

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 MAY 2016

# Jangan ikut agenda Dr Mahathir: Anwar

BH-24/5/2016

→ Pemimpin parti pembangkang diingat tidak lari agenda perjuangan

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**  
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

**D**atuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan pimpinan parti pembangkang agar tidak menyimpang daripada agenda asal perjuangan mereka, bukannya mengikut agenda Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Jangan lupa agenda, bukan ikut agenda dia (Dr Mahathir), tetapi ikut agenda rakyat. Harga barang macam mana, kebajikan?”

“Jangan ikut sistem kroni dan rasuah serta kezaliman lalu. Itu mesej saya” kata bekas ketua pembangkang itu ketika ditemui pemberita selepas prosiding semakan keputusan kes liwatnya di Istana Kehakiman, di sini semalam.

## Anwar sahkan tulis warkah

Anwar turut mengesahkan beliau menulis ‘warkah dari penjara’, iaitu surat yang tersebar baru-baru ini dengan kandungannya antara lain menyebut deklarasi rakyat di-



Memang surat saya, tapi saya tulis untuk pimpinan, itu pun saya terpaksa ‘rush’ (tergesa-gesa) sebab saya tulis di mahkamah. Walaupun pada peringkat awalnya untuk pimpinan, tetapi oleh kerana sudah tersebar, saya minta orang bacalah”

**Anwar Ibrahim,**  
Bekas Ketua Pembangkang

pelopori Dr Mahathir bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai cacat dan tidak selari dengan sudut pandangan reformasi.

“Memang surat saya, tapi saya tulis untuk pimpinan, itu pun saya terpaksa ‘rush’ (tergesa-gesa) sebab saya tulis di mahkamah. Walaupun pada peringkat awalnya untuk pimpinan, tapi oleh kerana sudah tersebar, saya minta orang bacalah,” katanya.

## Kritikan tuju Dr Mahathir

Penyeludupan keluar warkah ditulis Anwar itu yang mengandungi kritikan ditujukan kepada Dr Mahathir, mulanya dinafikan oleh Naib Presiden PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin, namun seorang lagi Naib Presiden yang juga Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli mengesahkan kesahihan surat berkenaan.

Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kemudian mendakwa surat lapan muka yang ditulis sendiri oleh suaminya itu sebenarnya hanya untuk tujuan perbincangan dalam parti, tetapi bocor ke tangan media.